

# Mahathir bidas golongan yang menyelar sistem sekular

UM 18 APR 1981

ALOR SETAR, 17 April — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini membidas golongan kecil kaum terpelajar yang menyelar sistem pelajaran sekular sebagai tidak harus diamali.

Katanya, mereka yang menyelar sistem pelajaran sekular itu ada yang mendapat pendidikan tinggi di luar negeri dan hidup secara senang-senang hasil pendidikan sekular.

"Apabila pulang ke tanahair, mereka menuduh sistem tersebut tidak baik dan tidak harus dipelajari," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap meletakkan batu asas Kompleks Akademik Rakyat tajaan Persatuan Belia Bimbingan (PBB) di Batu Empat, Jalan Langgar di sini.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata golongan tersebut juga menuduh pelajaran tidak penting dan sistem sekular tidak baik dari segi agama.

Beliau mengingatkan golongan tersebut bahawa agama Islam sendiri menggalakkan umatnya supaya menuntut ilmu untuk mencapai kejayaan dalam hidup.

Ilmu yang dikehendaki oleh Islam bukan sahaja yang ada kaitan dengan agama sahaja, tetapi meliputi semua bidang ilmu yang dapat dijadikan bekalan hidup di dunia dan akhirat.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata apa yang penting ialah kita menuntut ilmu untuk kebaikan dan kesejahteraan dan bukan untuk kejahatan ataupun untuk bekalan akhirat sahaja.

Katanya, peluang pe-

lajaran yang ada di Malaysia semakin bertambah sehingga ada orang yang sanggup membuang peluang pelajaran.

Timbalan Perdana Menteri berkata di salah sebuah universiti tempatan terdapat 16 orang pelajar yang telah membuang peluang pelajaran dengan alasan ia tidak berguna lagi.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata "melalui pelajaran, kita bukan sahaja dapat membina ilmu pengetahuan tetapi yang lebih penting lagi kita juga mendapat kebebasan.

"Para pemimpin yang memperjuangkan kemerdekaan dari belunggu penjajahan juga menggunakan pelajaran yang ada pada mereka untuk membebaskan negara tanpa menumpaskan setitik darahpun.

"Oleh itu pelajaran adalah penting untuk setiap orang yang inginkan kebebasan dalam hidup kerana tanpa kebebasan, pihak lain akan terus menekan dan menindas kita".

Datuk Sri Dr. Mahathir memuji persatuan belia bimbingan atas usahanya memberi bimbingan pelajaran kepada mereka yang terdicir yang dahagakan ilmu pengetahuan.